

Headline **Anugerah Sains Mahathir**
Date **30 Sep 2009**
MediaTitle **Utusan Malaysia**
Section **Supplement**
Journalist **KHAIRUNNISA SULAIMAN**
Frequency **Daily**
Circ / Read **238,082 / 833,287**

Language **Malay**
Page No **E8,9**
Article Size **1042 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **20,594**
PRValue **61,783**




8
September 2009

fokus



FRIM memenangi anugerah kategori Sumber Semula Jadi Tropika.



Anugerah Sains Mahathir iktiraf sumbangan saintis

Oleh KHAIRUNNISA SULAIMAN

PERANAN saintis dalam memberikan sumbangan semakin mendapat perhatian daripada pelbagai pihak sama ada kerajaan mahu pun swasta.

Selama ini hanya sumbangan saintis yang dapat digunakan oleh masyarakat tetapi tidak pada individunya.

Sebagai mengiktiraf sumbangan saintis kepada negara dan masyarakat banyak anugerah diadakan.

Salah satu daripadanya adalah Anugerah Sains Mahathir (*Mahathir Science Award*) yang dianugerahkan kepada mana-mana saintis, institusi atau organisasi seluruh dunia sebagai mengiktiraf sumbangan dan inovasi ke arah menyelesai-

kan masalah di rantau tropika menerusi bidang sains dan teknologi.

Anugerah berkenaan diberikan kepada mereka yang terpilih berdasarkan merit atau kejayaan paling hebat yang mereka capai.

Anugerah berkenaan tercetus semasa mesyuarat Agung Akademi Sains Malaysia (ASM) kali ke-53.

Headline **Anugerah Sains Mahathir**
 Date **30 Sep 2009**
 MediaTitle **Utusan Malaysia**
 Section **Supplement**
 Journalist **KHAIRUNNISA SULAIMAN**
 Frequency **Daily**
 Circ / Read **238,082 / 833,287**

Language **Malay**
 Page No **E8,9**
 Article Size **1042 cm²**
 Color **Full Color**
 ADValue **20,594**
 PRValue **61,783**

9
September
2009



DR.MAHATHIR MOHAMAD

Ketika itu, ASM mengambil keputusan sebulat suara untuk mengadakan Anugerah *ASM Scientific Excellence Awards in Honour of Tun Dr. Mahathir Mohamad* sempena ulang tahun ASM ke-10.

Anugerah berkenaan telah dilancarkan oleh Perdana Menteri Malaysia ketika itu, Tun Dr. Mahathir Mohamad pada 17 Ogos 2004.

Buat pertama kali anugerah berkenaan diberikan kepada Profesor John Sheppard Mackenzie atas sumbangan dan kejayaannya dalam perubatan tropika.

Anugerah pertama telah diberikan oleh Seri Paduka Baginda Yang di Pertuan Agong pada 3 September 2005 dan disaksikan oleh Dr. Mahathir di Kuala Lumpur.

Anugerah berkenaan merupakan anugerah sains paling berprestij bagi sains tropikal dan sebagai penghormatan telah dirasmikan oleh Dr. Mahathir seorang yang telah menyumbang kepada pembangunan dan perkembangan sains dan teknologi bukan saja di negara ini tetapi di peringkat antarabangsa.

Anugerah ini diberikan kepada mana-mana saintis, institusi atau organisasi seluruh dunia sebagai mengiktiraf sumbangan dan inovasi ke arah menyelesaikan masalah dalam kawasan tropika menerusi sains dan teknologi serta diberikan berdasarkan merit.

Anugerah akan diberikan kepada penelidik yang telah memberikan penemuan terkini dan diiktiraf di peringkat antarabangsa dalam mengasaskan penyelidikan di kawasan tropika.

Biarpun melepassi sempadan nasional, ini sebagai menggalakkan kecemerlangan dalam sains tropika yang akan memberikan faedah langsung kepada negara-negara di kawasan tropika dan tidak langsung kepada komuniti



global.

Pihak akademik berharap menerusi anugerah ini, satu tanda aras baru akan ditetapkan bagi sains tropika dan profil sains di negara ini serta rantau tropika akan meningkat.

Kategori dalam anugerah berkenaan adalah Perubatan Tropika, Pertanian Tropika, Kejuruteraan dan Seni Bina Tropika serta Sumber Asli Tropika.

Pada 2005, sebagai menghargai jasa-jasa Tun Dr. Mahathir, *ASM Scientific Excellence Awards in Honour of Tun Dr. Mahathir Mohamad* telah dinamakan semula sebagai Anugerah Sains Mahathir.

Hadiah

Satu anugerah akan diberikan setiap tahun meliputi salah satu daripada empat bidang tadi.

Hadihnya adalah RM100,000, pingat emas dan sijil.

Kriteria pencalonan

Anugerah akan diberikan kepada penelidik yang penemuannya telah diiktiraf dalam penyelidikan tropikal dan membawa ke sejahteraan kepada masyarakat.

Penerima anugerah boleh jadi individu, kumpulan tidak lebih daripada tiga orang individu atau institusi.

Penerima

2005 - Perubatan Tropika Profesor John Sheppard Mackenzie.

Bagi sumbangannya menyelesaikan masalah berkaitan dengan virus *Japanese Encephalitis* (JE).

2006 - Perubatan Tropika

Fakulti Perubatan, Universiti Malaya Atas kejayaan cemerlang dalam sumbangan dalam memahami dan rawatan Nipah Encephalitis.

2007 - Perubatan Tropika

Profesor Joseph Sriyal Malik Peiris

Bagi penemuan agen aetiologikal yang menyebabkan SARS dan membawa kepada pemahaman mengenai pathogenesis dan epidemiologi penyakit berkenaan pada 2003.

2008 - Pertanian Tropika

Profesor Gurdev Singh Khush

Atas kepimpinan, komitmen dan tugas revolusi secara sistematis langsung dan membangunkan beberapa varieti beras yang telah menyumbang ke arah mengurangkan kebuluran di seluruh dunia.

2009 - Sumber semulajadi tropika

Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM)

Bagi teknologi dan pembangunan industri perabut kayu getah di Malaysia dan antarabangsa.



**JOHN SHEPPARD
MACKENZIE**



**JOSEPH SRIYAL MALIK
PEIRIS**



**DR. GURDEV SINGH
KHUSH**